Lembaran Pendedahan Produk

Group Personal Accident

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans ini. Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat am.)

1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberikan perlindungan 24 jam seluruh dunia untuk kematian dan kecederaan tubuh yang disebabkan oleh kemalangan.

2. Siapakah yang boleh diinsuranskan?

Semua warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap, Pemegang Pas Pelajar atau Pemegang Pas Pekerjaan/Pemegang Permit Kerja yang bekerja secara sah di Malaysia berumur di antara 16 dan 65 tahun.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

Polisi ini melindungi:

Manfaat		Had Setiap Individu / Setiap Minggu	Jumlah Diinsuranskan
1.0 / 2.0	Kematian / Kehilangan Upaya Kekal	Setiap Individu	Sebarang Amaun yang Diinsuranskan
3.0	Kehilangan Upaya Menyeluruh Sementara	Setiap Minggu Setiap Minggu (Maks) (sehingga 104 minggu)	0.2% dari Jumlah Diinsuranskan Kematian / Kehilangan Upaya Kekal atau 25% dari Jumlah Diinsuranskan Pembolehubah* (yang mana lebih rendah) RM1,000
4.0	Kehilangan Upaya Separa Sementara	Setiap Minggu	50% dari Jumlah Diinsuranskan Kehilangan Upaya Menyeluruh Sementara
5.0	Perbelanjaan Perubatan	Setiap Individu	Fleksibel (dalam gandaan RM1,000 sehingga RM5,000)
6.0	Pendapatan Hospital	Setiap Minggu	Fleksibel (dalam gandaan RM100 of sehingga RM500)

Polisi ini juga menyediakan liputan percuma seperti berikut:

- Peningkatan automatik dalam perbelanjaan perubatan
- Pendapatan hospital
- Sinseh atau perbelanjaan perubatan tradisional
- Perbelanjaan pengebumian aau pembakaran mayat
- Penghantaran pulang jenazah
- Pendedahan kepada unsur semulajadi
- Kehilangan
- Bermotorsikal
- Gigitan haiwan atau ular, serangga berbahaya atau keracunan makanan
- Pembunuhan, serangan atau penculikan
- Bencana alam
- Penyertaan dalam sukan amatur
- Rampasan pesawat
- Mabuk
- Lemas, penyedutan gas, lemas disebabkan asap atau asap beracun

**Akan dikira mengikut gaji bulanan asas Orang Diinsuranskan (BMS).*

Nota: Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk maklumat lanjut mengenai manfaat dan perlindungan.

4. Apakah Tempoh Perlindungan dan Pilihan Pembaharuan?

Tempoh perlindungan adalah untuk 1 tahun. Anda perlu memperbaharui Polisi anda setiap tahun.

5. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium bergantung pada manfaat, jumlah diinsuranskan, kelas pekerjaan Orang yang Diinsuranskan dan keperluan pengunderaitan kami.

Jadual Premium (RM)**

Manfaat		Had Manfaat Setiap Individu / Setiap Minggu	Jumlah Perlindungan (RM)	Kelas Pekerjaan		
				I	II	III
1.0/ 2.0	**Kematian / Kehilangan Upaya Kekal	Setiap Individu	Sebarang Amaun yang Diinsuranskan	RM11.00/ RM10,000 Jumlah Diinsuranskan	RM13.00/ RM10,000 Jumlah Diinsuranskan	RM17.50/ RM10,00 Jumlah Diinsuranskan
3.0	Kehilangan Upaya Menyeluruh Sementara	Setiap Minggu	100	25.00	31.50	42.50
4.0	Kehilangan Upaya Separa Sementara		50			

Manfaat		Had Manfaat Setiap Individu / Setiap Minggu	Jumlah Perlindungan (RM)	Kelas Pekerjaan		
				I	II	III
5.0	Perbelanjaan Perubatan	Setiap Individu	500	10.00	13.00	16.00
			1,000	14.50	18.00	22.00
			2,000	22.00	26.50	32.50
			3,000	27.00	34.00	41.00
			4,000	32.00	40.00	48.00
			5,000	36.00	48.00	54.00
6.0	Pendapatan Hospital	Setiap Minggu	10	1.25	1.55	2.15

***Tertakluk kepada minimum premium sebanyak RM25.00 bagi setiap Polisi (tidak termasuk Duti Setem dan 6% SST).*

******Sebagai Contoh****:*
Kadar Premium untuk Kematian/Kehilangan Upaya Kekal Kelas Pekerjaan 1 = RM11.00 bagi setiap RM10,000 Jumlah Diinsuranskan.

*Jumlah Diinsuranskan Kematian/Kehilangan Upaya Kekal RM10,000 = Premium Tahunan adalah RM11.00 (RM11.00/RM10,000 * RM10,000)*
*Jumlah Diinsuranskan Kematian/Kehilangan Upaya Kekal RM20,000 = Premium Tahunan adalah RM22.00 (RM11.00/RM10,000 * RM20,000)*
*Jumlah Diinsuranskan Kematian/Kehilangan Upaya Kekal RM50,000 = Premium Tahunan adalah RM55.00 (RM11.00/RM10,000 * RM50,000)*

Klasifikasi Pekerjaan
Kelas 1 – Profesion yang melibatkan kerja bukan secara manual, pentadbiran atau perkeranian, semata-mata di pejabat atau tempat yang tidak berbahaya.
Kelas 2 – Profesion yang melibatkan kerja penyeliaan atau perjalanan luar pejabat untuk tujuan perniagaan tetapi tidak melibatkan kerja manual.
Kelas 3 – Profesion yang melibatkan kerja manual dan / atau penggunaan alat atau jentera atau pendedahan kepada keadaan berbahaya.

Nota: Kadar premium tidak tetap, ia berbeza bergantung pada pengalaman tuntutan Orang Diinsuranskan.

6. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar ?

Jenis	Amaun
Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)	6% daripada premium
Duti Setem	RM 10.00

Termasuk dalam premium	Amaun
Komisen yang dibayar kepada pengantara insurans	25% daripada premium

7. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- **Kewajipan Pendedahan**
  Kontrak Insurans Pengguna
  Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, anda hendaklah mengambil penjagaan munasabah untuk menjawab semua soalan dengan lengkap, tepat, jujur berdasarkan sepanjang pengetahuan anda. Adalah menjadi kewajipan anda juga untuk memaklumkan kepada kami apa-apa perubahan mengenai butiran-butiran atau maklumat yang diberikan kepada kami sebelum kami mengeluarkan Polisi kepada anda atau sebelum anda memperbaharui atau mengubah apa-apa terma untuk Polisi anda. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, Polisi anda mungkin dibatalkan atau dianggap tidak wujud atau tuntutan anda mungkin ditolak atau nilai tuntutan dikurangkan.

  Kontrak Insurans Bukan Pengguna
  Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, adalah menjadi kewajipan anda untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah dan relevan. Adalah menjadi kewajipan anda juga untuk memaklumkan kepada kami apa-apa perubahan mengenai butiran-butiran atau maklumat yang diberikan kepada kami sebelum kami mengeluarkan Polisi kepada anda atau sebelum anda memperbaharui atau mengubah apa-apa terma untuk Polisi anda. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, Polisi anda mungkin akan dibatalkan atau dianggap tidak wujud atau tuntutan anda mungkin ditolak atau nilai tuntutan dikurangkan.

- **Perubahan Risiko**
  Jika pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa, apa-apa penukaran berlaku dan mengubahkan secara material apa-apa fakta yang wujud pada tarikh cadangan, anda hendaklah memberi notis secara bertulis kepada kami dalam masa 7 hari dan hendaklah membayar premium tambahan sedemikian sebagaimana diperlukan oleh kami.

- **Tunai sebelum Perlindungan**
  Pembayaran premium penuh mesti dibuat sebelum tarikh kuat kuasa Polisi ini.

- **Tuntutan**
  Notis bertulis mesti diberikan kepada kami dalam masa 30 hari dari tarikh kejadian. Anda boleh mengemukakan tuntutan anda melalui e-mel kepada kami di customer@bsompo.com.my atau melawat mana-mana cawangan kami di seluruh negara. Hanya Kematian atau Kehilangan Upaya Kekal akan dibayar jika anda tinggal atau melancong di luar Malaysia, Singapura, Brunei dan Thailand selama lebih dari 90 hari berturut-turut.

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai lengkap bagi terma dan syarat.

8. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?

Polisi ini tidak meliputi kerugian yang dikecualikan secara khusus di bawah Polisi ini, contohnya, kecacatan fizikal atau mental atau kelemahan yang sedia ada, membunuh diri atau percubaan untuk membunuh diri, kecederaan yang disengajakan dan anda dibawah pengaruh alkohol atau dadah dan lain-lain.

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk Kontrak Polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap.

9. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Anda boleh membatalkan Polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, apa-apa pembayaran balik premium akan dibuat berdasarkan kadar jangka pendek kami dengan syarat Polisi telah berkuatkuasa sekurang-kurangnya 15 hari tapi tidak melebihi 11 bulan dan tiada tuntuan telah dibuat dalam tempoh insurans tertakluk kepada jumlah bayaran balik minima RM25.00.

Tempoh Insurans	Hari	Bulan											Melebihi 11 bulan
	15 Hari	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	
Peratusan premium akan dikembalikan	90	80	70	60	50	40	30	25	20	15	10	5	Tiada pulangan

Nota: Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai syarat pembatalan yang lengkap.

10. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai butiran peribadi anda untuk memastikan semua surat-menyurat dapat dihantar kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh hubungi pejabat cawangan atau Pusat Khidmat Pelanggan syarikat kami.

11. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami pada waktu operasi dari 8:30 pagi hingga 5:00 petang (Isnin – Jumaat) di 03-2170 7300 atau Talian Bebas Tol 1-800-889-933, atau e-mel kami di customer@bsompo.com.my.

Untuk maklumat lanjut berkenaan insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada buku panduan Info Insurans mengenai 'Kemalangan Diri' yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan satu salinan daripada ejen insurans anda atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

12. Lain-lain jenis perlindungan insurans am yang serupa yang boleh didapati?

Individual PA.
Sila layari www.berjayasompo.com.my untuk maklumat lanjut.

NOTA PENTING: ANDA MESTILAH MENAMAKAN SEKURANG-KURANGNYA SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA TERSEBUT MENYEDARI TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA PEROLEHI. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN INSURANS ATAU LANGSUNG MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT. ANDA HARUS BERPUAS HATI BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIK-BAIKNYA.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah penerangan ringkas untuk rujukan yang cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat yang lengkap yang diperlukan adalah terkandung di dalam Kontrak Polisi.

Berjaya Sompo Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran penerangan ini adalah sah bermula dari 30 November 2020.